



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 42 / 2025

PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.187 KINABATANGAN DAN PRK DEWAN UNDANGAN N.58 LAMAG, SABAH

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Tan Sri Dato' Dr. Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat** pada **8 Disember 2025** dan **YB Datuk Seri Panglima Haji Kadzim bin Haji M. Yahya, Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah** pada **9 Disember 2025**, berhubung dengan kekosongan luar jangka bagi kerusi **Parlimen P.187 Kinabatangan** dan **Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah** berikutan kematian penyandanginya **Allahyarham YB Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin**.
2. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini, **16 Disember 2025 (Selasa)** dan memutuskan bahawa **Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.187 Kinabatangan** dan **PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah** hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan di **kedua-dua kerusi** tersebut.

3. Bagi maksud menjalankan **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan** dan **PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah**, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti yang berikut:

Tarikh Writ	:	16 Disember 2025 (Selasa)
Hari Penamaan Calon	:	10 Januari 2026 (Sabtu)
Hari Mengundi Awal	:	20 Januari 2026 (Selasa)
Hari Mengundi	:	24 Januari 2026 (Sabtu)

4. Tempoh berkempen ditetapkan **14 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding pada **10 Januari 2026 (Sabtu)** sehingga pukul **11.59 malam, 23 Januari 2026 (Jumaat)**.
5. Urusan permohonan semua kategori undi pos luar negara dan dalam negara akan dibuka bermula dari **16 Disember 2025 (Selasa)**. Manakala tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Tarikh Tutup
1.	1A (Petugas Pilihan Raya, Anggota/Pegawai SPR, Anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Petugas Media)	8 Januari 2026 (Khamis)
2.	1B (warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara)	6 Januari 2026 (Selasa)
3.	1C (Agensi / Organisasi)	6 Januari 2026 (Selasa)

6. Permohonan undi pos bagi semua kategori, iaitu **Kategori 1A (Petugas Pilihan Raya, Anggota/Pegawai SPR, Anggota PDRM, Anggota ATM dan Petugas Media), Kategori 1B (Warganegara Malaysia yang tinggal di luar Negara) dan Kategori 1C (Agensi/Organisasi) dilaksanakan secara dalam talian (*online*)**. Maklumat lanjut dan panduan permohonan undi pos boleh dirujuk melalui **Portal SPR, www.spr.gov.my**.
7. Bagi menjalankan proses **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan dan PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah**, SPR telah melantik **seorang (1) Pegawai Pengurus Pilihan Raya** dibantu oleh **lapan (8) orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR akan menubuhkan **empat (4) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak PDRM, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.
8. Bagi maksud **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan dan PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah, Pusat Penamaan Calon (PPC)** dan **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** yang digunakan adalah di **Dewan Sri Lamag, Kinabatangan**.
9. Seramai **1,106 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses **PRK Parlimen P.187 dan PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah**. Sebanyak **36 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **117 tempat mengundi/saluran** dan satu **(1) pusat mengundi awal** bagi pengundian yang mengandungi satu **(1) tempat mengundi/saluran** akan digunakan bagi **PRK Parlimen**

P.187 Kinabatangan dan PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah.

10. **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan dan Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah** dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak **RM10 juta**.
11. Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang akan digunakan untuk **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan dan PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah** adalah **Daftar Pemilih terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan Bulan Oktober Tahun 2025** yang dikemas kini sehingga **5 Disember 2025**. DPPR bagi **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan dan PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah** ini mengandungi seramai **48,722 orang pemilih yang terdiri daripada 48,526 orang pengundi biasa dan 196 orang polis**. DPPR bagi **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan dan PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah** dijadualkan akan mula dijual pada **5 Januari 2026 (Isnin)**.
12. Para pengundi boleh membuat **semakan maklumat pengundian** untuk mengetahui maklumat **pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan** mereka melalui portal semakan di pautan **<https://mysprsemak.spr.gov.my>** atau hubungi **Hotline SPR di talian 03-88927018** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**. Semakan boleh dibuat juga **mulai 5 Januari 2026 (Isnin)**.
13. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan dan PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah**

agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah digalakkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.

14. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di Pusat Penamaan Calon (PPC) yang telah ditetapkan oleh SPR.
15. SPR turut menawarkan kepada **mana-mana agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), mana-mana badan yang berminat** untuk menjadi **pemerhati pilihan raya** bagi melihat penjalanan proses **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan** dan **PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah** bermula pada Hari Penamaan Calon sehingga Keputusan Pilihan Raya diumumkan. Mereka dibenarkan untuk membuat **pemerhatian** seperti di **PPC, pusat-pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan PPRU** serta perlu mematuhi kesemua syarat pelantikan yang telah ditetapkan oleh SPR.
16. **Maklumat lanjut dan borang permohonan** berkaitan pemerhati pilihan raya boleh diperolehi dari **Portal SPR www.spr.gov.my** mulai **16 Disember 2025 (Selasa)** dan **tarikh tutup permohonan** adalah pada **31 Disember 2025 (Rabu)**.

17. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi *live streaming* bagi Pusat/Saluran Mengundi yang terpilih di laman media sosial rasmi SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada pilihan raya sebelum ini.
18. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `**Jom Kita Undi**` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik tumpuan awam dan tempat-tempat lain yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

16 Disember 2025 / 25 Jamadilakhir 1447H